

BAB 3

MOTIF DAN ORNAMENTASI CINA PADA KOMPONEN MASJID DI MELAKA

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan mengklasifikasikan ciri-ciri hiasan dan motif berunsurkan Cina yang terdapat pada binaan masjid-masjid yang menjadi subjek kajian. Antara motif Cina yang boleh dilihat adalah merangkumi motif bunga, buah, haiwan, kosmos, geometri dan fenomena. Ketiga-tiga buah masjid kajian ini melengkapi kajian penulis kerana setiap masjid ini mewakili enam jenis motif yang telah penulis sebutkan berbanding masjid lain yang terdapat di Melaka. Pemilihan subjek kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian lapangan penulis dengan mengunjungi 17 buah masjid di daerah Melaka Tengah dan hasil tinjauan mendapati tiga buah masjid kajian iaitu Masjid Kampung Keling (MKK), Masjid Kampung Hulu (MKH) dan Masjid Tengker (MT) mempunyai pengaruh Cina yang agak ketara berbanding dengan masjid-masjid lain. Masjid terpilih ini dibangunkan di bawah pemerintahan Belanda sekitar tahun 1728M-1748M.

Jadual 3.1 menunjukkan komponen luar dan dalam tiga buah masjid kajian yang mempunyai motif dan ornamentasi Cina. Setiap daripada komponen ini telah dianalisa bagi mendapatkan keputusan khusus ke atas jumlah motif dan ornamentasi Cina di ketiga masjid ini.

Jadual 3.1: Komponen masjid kajian yang mempunyai motif dan ornamentasi Cina

Bil	Komponen Luar	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengkera	Masjid Kg. Hulu	Komponen Dalam	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengkera	Masjid Kg. Hulu
1.	Mahkota atap	/	/	/	Mimbar	/	/	/
2.	Menara	/	/	/	Mihrab	X	/	X
2.	Sulur Bayur	/	/	/	Dinding	X	X	X
3.	Bumbung	/	/	X	Siiling	X	X	X
4.	Pintu Gerbang	/	/	/	Tiang	X	X	X
5.	Hiasan Sekitar	/	/	X	Pintu	X	X	X
6.	Kolam Wuduk	X	X	X				


Petunjuk: (/) Ada (x) Tiada

Berdasarkan kepada jadual 3.1 ketiga buah masjid kajian mempunyai motif dan ornamentasi Cina di bahagian bumbung, mahkota atap dan pintu gerbang. Motif dan ornamentasi Cina juga boleh didapati di bahagian tembok dan tiang Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengkera sahaja manakala komponen menara juga didapati mempunyai motif dan ornamentasi Cina kecuali Masjid Tengkera. Komponen kolam wuduk tidak terdapat sebarang motif dan ornamentasi Cina. Komponen dalaman tiga buah masjid yang mempunyai motif Cina yang terbesar ialah mimbar. Penulis mendapati tidak terdapat sebarang motif dan ornamentasi Cina pada komponen yang lain kecuali pada bahagian tiang dan mihrab Masjid Tengkera sahaja.


3.1 Motif dan Ornamenasi Cina Pada Masjid Kajian

Secara keseluruhannya penulis telah merekodkan kesemua jenis motif yang terdapat di ketiga buah masjid kajian dan hasilnya boleh dilihat pada rajah yang telah dilakarkan.


Rajah 3.1: Jenis Motif dan Ornamenasi Cina di Tiga Masjid Kajian



Rajah 3.2: Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Luar Masjid
Kampung Keling




Rajah 3.3: Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Luar Masjid Tengker



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2014

Rajah 3.4: Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Luar Masjid
Kampung Hulu



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2014

3.1.1 Komponen Luar Masjid

3.1.1.1 Mahkota Atap Bumbung Masjid

Penggunaan mahkota atap pada puncak masjid berbumbung piramid adalah merupakan satu elemen utama yang menjadi identiti kepada masjid berbumbung meru ini. Seperti yang telah dibincangkan, mahkota atap hanya boleh ditemui di Nusantara dan negara China sahaja.¹ Pengaruh penggunaan mahkota atap ini dibawa oleh masyarakat Cina berasal dari wilayah Canton dan Fukien yang berhijrah ke Asia Tenggara.² Bentuk

¹ Mahkota atap juga boleh didapati pada puncak atap wakaf, rumah persendirian dan juga masjid. (Mohd Sabrizaa Abd Rashid, "Evolusi Bentuk dan Makna ragam Hias dalam Seni Bina", laman sesawang *Tradisional Melayu*, dicapai 12 April 2012, <http://www.scribd.com/doc>, 5.


² Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, (University of Hong Kong: Hong Kong, 1978), 82.

mahkota atap ini pada kebiasaannya mempunyai tapak yang beralaskan susunan kelopak bunga teratai dan seringkali dikaitkan dengan bentuk stupa.

a) Mahkota Atap Masjid Kampung Keling (MKK)

Mahkota atap Masjid Kampung Keling ini mempunyai lima lapisan atau lima tingkat ketinggian. Mahkota atap ini mempunyai bentuk yang kecil bermula dari atas dan berakhir dengan bentuk lebih besar di bahagian bawah. Terdapat dua motif yang menghiasi bahagian mahkota atap ini iaitu motif kosmos yang terdiri daripada teratai dan motif fenomena yang diwakili skrol.

Rajah 3.5: Mahkota Atap MKK



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Tingkat kedua mahkota atap ini dilapisi dengan bunga teratai yang berkelopak kecil. Terdapat hampir dua belas kelopak bunga yang terdapat di tingkat ini.

Gambar 3.1 Lapisan Teratai Pertama



b) Teratai

Di antara tingkat kedua dan ketiga ini penulis dapati terdapat ukiran bunga yang di praktikkan dalam bentuk *chien nien*.³ Bunga yang dimaksudkan ialah bunga teratai yang terdapat pada setiap empat permukaan mahkota atap ini. Ukiran bunga ini juga menampilkan kuntuman bunga teratai secara jelas dan timbul.

Gambar 3.2 Kelopak Teratai



c) Teratai

Pada tingkat yang ketiga mahkota atap terdapat empat kelopak bunga teratai dalam keadaan terbuka dengan saiz yang besar melapisi bahagian terbawah sekali.

³Teknik *chien nien* atau teknik potong dan tampal tehasil daripada kepingan cip seramik digunakan bagi membentuk hiasan dekorasi dinding. Bahan utama dalam pengaplikasian teknik ini adalah daripada bahan seramik yang telah pecah. Bahan-bahan campuran turut diadunkan bersama seramik tersebut bagi mendapatkan hasil yang baik serta dapat bertahan lama dan tidak rosak. Antaranya ialah kapur, limau, asbestos, madu dan sirap. Hasil daripada adunan ini para tukang akan membentuk figura yang diinginkan seperti bentuk tumbuhan, haiwan dan kosmos. Pengaplikasian teknik *chien nien* ini adalah salah satu ciri visual yang mampu menonjolkan suatu motif sekaligus melengkapkan sebuah penceritaan.

Gambar 3.3 Lapisan Teratai Kedua



ii) Motif Fenomena

d) Awan Skrol (Cloud Scroll)

Motif awan skrol boleh dilihat menghiasi bingkai perabung mahkota atap masjid. Keempat-empat penjuru bumbung ini dihiasi dengan motif awan skrol ini.


Gambar 3.4 Awan Skrol



b) Mahkota Atap Masjid Tengker

Mahkota atap Masjid Tengker mempunyai tiga lapisan atau tiga tingkat. Setiap lapisan mempunyai motif hiasan yang tersendiri. Berikut merupakan mahkota atap Masjid Tengker. Terdapat dua jenis motif iaitu kosmos dan bunga. Kosmos diwakili teratai, dan artmesia leaf. Manakala motif bunga diwakili peoni.

Rajah 3.6 Mahkota Atap MT



i) Motif Kosmos

a) Artmesia Leaf

Artmesia leaf adalah sejenis daun yang merupakan salah satu unsur alam yang penting dalam kehidupan beragama masyarakat Buddha. Kedudukan bunga ini boleh dilihat pada bahagian sisi mahkota atap masjid ini dan terdapat empat daun artmesia di setiap bucu sisi mahkota atap.

Gambar 3.5 Daun Artmesia



b) Teratai

Bunga teratai pada tingkat kedua mahkota atap ini berada dalam kedudukan terbuka dan berdasarkan kepada pengiraan penulis terdapat hampir dua belas kelopak bunga teratai yang menghiasi tingkat kedua mahkota atap ini.

Gambar 3.6 Lapisan Teratai Pertama



c) Teratai

Kelopak bunga teratai yang mempunyai ukuran bunga yang lebih besar boleh dilihat pada tingkat ketiga. Terdapat empat kelopak teratai yang menghiasi bahagian segi empat mahkota atap ini.

Gambar 3.7 Lapisan Teratai Kedua



d) Teratai

Di bahagian tengah antara dua kelopak besar bunga teratai ini terdapat sekuntum bunga teratai yang diukir dalam keadaan menguncup. Terdapat empat kuntum bunga teratai seperti ini yang berada dibahagian tengah di antara dua kelopak besar bunga teratai di tingkat ke tiga mahkota atap.

Gambar 3.8 Kuntuman Teratai di Bahagian Tengah Makhota Atap



ii) Motif Bunga

e) Peoni

Bunga peoni yang diukir dalam ukuran yang kecil ini boleh dilihat pada bahagian tingkat lima. Terdapat dua kuntum bunga peoni kecil dan keseluruhannya terdapat lapan kuntum bunga peoni yang berada di setiap permukaan mahkota atap yang berbentuk segi empat sama ini.

Gambar 3.9 Bunga peoni



c) **Mahkota Atap Masjid Kampung Hulu (MKH)**

Mahkota atap masjid ini mempunyai lima tingkat. Lapisan kelopak bunga teratai dapat dilihat pada lapisan ketiga dan keempat.

Rajah 3.7 Mahkota Atap MKH



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Bahagian tingkat ketiga mahkota atap ini terdapat dua belas kelopak bunga teratai dalam ukuran kecil yang berfungsi sebagai alas kepada tingkat pertama dan kedua mahkota atap. Motif teratai adalah satu-satunya motif yang boleh dilihat pada mahkota atap menara ini.

Gambar 3.10 Lapisan Teratai Pertama MKH



b) Teratai

Manakala tingkat keempat mahkota atap turut terdapat empat kelopak teratai dalam saiz lebih besar yang mengalas tingkat pertama, kedua dan ketiga mahkota atap masjid.

Gambar 3.11 Lapisan Teratai Kedua MKH




3.1.1.2 Mahkota Atap Menara Masjid

Menara masjid kajian yang menyerupai pagoda juga memiliki mahkota atap pada puncak menara tetapi saiz dan bentuknya lebih kecil berbanding mahkota atap yang terdapat pada puncak bumbung meru masjid. Saiz ini membezakan di antara mahkota atap pada bumbung meru sebagai komponen utama berbanding mahkota atap menara.

a) Mahkota Atap Menara Masjid Kampung Keling

Mahkota atap Masjid Kampung Keling mempunyai ukuran yang lebih tinggi berbanding mahkota atap menara masjid yang lain. Motif utama yang terdapat pada mahkota atap ini juga adalah kelopak bunga teratai. Terdapat dua lapisan kelopak bunga teratai yang terletak pada bahagian pertama dan bahagian kedua mahkota atap menara masjid.

Rajah 3.8 Mahkota Atap Menara MKK



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Pada lapisan keempat mahkota menara masjid ini terdapat dua belas kelopak teratai yang diukir dalam bentuk segi empat sama. Bunga teratai pada lapisan ini berada di atas bunga teratai dengan saiz kelopak bunga yang lebih besar. Gambaran lebih jelas adalah seperti berikut.

Gambar 3.12 Lapisan Teratai Pertama



b) Teratai

Pada lapisan akhir yang melapisi mahkota atap ini terdapat empat kelopak teratai dengan saiz bunga yang lebih besar berbanding bunga teratai pada lapisan ketiga mahkota atap.

Gambar 3.13 Lapisan Teratai kedua



c) Mahkota Atap Menara Masjid Kampung Hulu

i) Motif Kosmos

a) Teratai

Mahkota atap menara masjid ini sangat bersahaja kerana ianya kecil dan hanya dilapisi oleh satu lapisan kelopak bunga teratai yang terbuka sahaja.

Gambar 3.14 Mahkota Atap Menara di MKH



3.1.1.3 Sultur Bayur

Pengaruh penggunaan sultur bayur ini didatangkan khas dari Selatan China iaitu dari wilayah Guangdong dan Fujien. Hiasan ini mula berkembang sewaktu China berada di bawah pemerintahan Dinasti Ming dan berterusan sehingga ke zaman Qing.⁴ Perkembangan bentuk sultur bayur di China boleh dibahagikan kepada tiga ciri iaitu perabung utama yang berakhir dengan lengkungan, perabung utama yang berakhir dengan hiasan geometri atau ukiran naga dan perabung yang berakhir dengan patung seramik.⁵ Merujuk kepada masjid-masjid kajian, sultur bayur yang sering kali menghiasi lengkungan bumbung masjid terdiri daripada ciri yang pertama dan kedua. Ciri yang ketiga biasanya digunakan pada rumah

⁴ So-Mui Ma, "In Search of Cultural identity: Roof decoration on Vernacular Architecture in Hong Kong" (Hong Kong: Institute of Education, t.t), 7.

⁵ *Ibid.*, 7.

ibadat Buddha dan tidak sesuai digunakan pada masjid kerana rupa bentuk patung yang dianggap sebagai dewa digunakan sebagai hiasan pada bumbung bangunan.

a) Sulur Bayur Masjid Kampung Keling

i) Motif Geometri (Geometri)

Sulur bayur Masjid Kampung Keling ini berbentuk geometri yang berakhir dengan bentuk lencongan yang menarik. Hiasan geometri pada perhiasan sulur bayur ini dikatakan mendapat pengaruh daripada zaman pemerintahan Dinasti Tang.⁶

Gambar 3.15 Sulur Bayur MKK



b) Sulur Bayur Masjid Tengker

i) Motif Haiwan (Ekor burung layang-layang)

Sulur bayur yang terdapat pada Masjid Tengker ini adalah berbentuk ekor burung layang-layang. Pengaruh penggunaan ekor burung layang-layang sebagai sulur bayur ini dibawa dari wilayah Fujien, China dan negara Taiwan. Pada kebiasaannya ekor burung layang-layang ini diaplikasikan pada bumbung bangunan traditional di China dan Taiwan.⁷

⁶ *Ibid.*, 9.

⁷ *Ibid.*, 8.

Gambar 3.16 Sulur Bayur MT



c) Sulur Bayur Masjid Kampung Hulu

i) Motif Geometri (Geometri)

Sulur bayur Masjid Kampung Hulu berbentuk geometri. Sulur bayur yang terdapat pada Masjid Kampung Hulu ini dihasilkan daripada satu garisan berbentuk lurus atau linear dan kemudiannya dilengkungkan garis tersebut dalam keadaan terbalik atau *curvilinear*.

Gambar 3.17 Sulur Bayur MKH



3.1.1.4 Hiasan Antara Atap Bumbung Meru

a) Masjid Kampung Keling

Antara atap bumbung Masjid Kampung Keling penulis mendapati beberapa ukiran yang terdiri daripada bunga, haiwan, kosmos, buah, geometri dan fenomena yang diukir pada dinding bumbung masjid. Kepingan cip seramik digunakan bagi membentuk hiasan dekorasi dinding ini. Teknik ini dikenali sebagai teknik *chien nien* atau teknik potong dan tampal. Pengaruh teknik ini dibawa masuk dari wilayah Fukien, China.⁸ Teknik *chien nien* merupakan kepingan cip seramik yang digunakan bagi membentuk hiasan dekorasi pada dinding. Bahan utama dalam pengaplikasian teknik ini adalah daripada bahan seramik yang telah pecah seperti kapur, limau, asbestos, madu dan sirap diadunkan bersama seramik tersebut bagi mendapatkan hasil yang baik serta dapat bertahan lama dan tidak rosak. Hasil daripada adunan ini para tukang akan menghasilkan bentuk ukiran yang diinginkan seperti bentuk tumbuhan, haiwan dan kosmos. Pengaplikasian teknik *chien nien* ini adalah salah satu ciri visual yang mampu menonjolkan suatu motif sekaligus melengkapkan sebuah penceritaan. Melalui kaedah ini penceritaan berkenaan suatu perkara itu dapat disampaikan dengan ukiran kaedah *chien nien* beserta gabungan warna yang sangat dititikberatkan.


Tokong-tokong Cina biasanya akan menggunakan ukiran motif flora dan fauna khususnya dalam penggunaan teknik ini. Pengaplikasian warna sangat dititikberatkan kerana setiap motif akan diwarnakan dengan warna yang menarik sesuai dengan maksud falsafah motif berkenaan. Oleh sebab itu, tokong-tokong Cina mempunyai hiasan yang padat dan ceria dengan kepelbagaian corak dan warna. Motif dan ornamentasi masjid-masjid di China juga mempunyai warna yang pelbagai tetapi tidak keterlaluan dalam

⁸ Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, (University of Hong Kong: Hong Kong, 1978), 63.

penonjolannya. Penggunaan teknik ini sering kali digunakan pada rumah-rumah ibadat Cina seperti di Kuil Yeh yang terletak di Canton, Tokong Cheng Hoon Teng, Melaka⁹ dan Masjid Saad Abi Waqas¹⁰ di Guangzhou China.¹¹

Penggunaan teknik *chien nien* di Masjid Kampung Keling ini boleh dilihat pada bahagian celahan atap tingkat pertama dan kedua yang ditonjolkan dalam keadaan sederhana. Penggunaan warna juga tidak keterlaluan sesuai dengan sifat masjid yang lebih sederhana dan bersahaja. Setiap permukaan dinding arah utara, selatan, barat dan timur dipraktikkan teknik ini dengan pelbagai motif dan ornamentasi Cina.

Rajah 3.9 Pandangan atas bumbung MKK




Berdasarkan gambar rajah 3.9, lapisan yang kecil mewakili lapisan bumbung yang pertama. Manakala lapisan yang sederhana besar mewakili lapisan bumbung yang kedua dan lapisan yang paling besar mewakili lapisan bumbung yang terakhir.

⁹ Sila Lihat lampiran P iaitu bahagian tokong yang diaplikasikan teknik *chien nien*

¹⁰ Pintu gerbang Masjid Saad Abi Waqas ini memperlihatkan pengaplikasian teknik *chien nien* yang menarik kerana selain daripada terdapat pelbagai gabungan ornamen, motif-motif ini turut diwarnakan dengan warna yang pelbagai tetapi tidak keterlaluan seperti warna yang digunakan pada rumah ibadat Cina. Motif terbesar yang digunakan pada bahagian pintu masuk ini terdiri daripada motif bunga, buah, kosmos, geometri dan fenomena. Gabungan kesemua motif-motif ini juga memiliki makna tertentu dan bersesuaian dengan kedudukan motif itu sendiri.

¹¹ Sila Lihat lampiran Q iaitu bahagian masjid yang diaplikasikan teknik *chien nien*

Rajah 3.10 Pandangan daripada sudut hadapan bumbung MKK



Rajah 3.11 Masjid Kampung Keling



i) Motif Bunga

Berdasarkan pemerhatian penulis, ukiran bunga-bunga ini diukir di sekeliling bumbung masjid. Terdapat empat jenis bunga utama yang digunakan bagi menghiasi ukiran antara atap bumbung meru. Antaranya ialah bunga teratai, bunga kekwa, bunga peoni dan bunga plum. Keempat-empat bunga ini mewakili empat musim iaitu panas, luruh, sejuk dan bunga.¹² Berdasarkan kepada kesenian Cina, bunga-bunga ini dirangkumkan kesemuanya sekali dan jarang sekali dipisahkan salah satu daripadanya. Bunga-bunga yang mewakili setiap musim sangat masyhur kerana sering dijadikan motif dalam kesenian sama ada dalam bentuk panel, atas skrin, atau hiasan dalam bentuk skrol. Adakalanya bunga-bunga

¹² Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, 64.

yang mewakili setiap musim ini ditambahkan atau digantikan dengan motif lain seperti anggur untuk musim luruh, wisteria,¹³ untuk musim panas, pohon willow untuk musim luruh dan pohon pine untuk musim sejuk.¹⁴

Keempat-empat jenis bunga ini boleh dilihat pada setiap celahan lapisan bumbung pertama dan kedua masjid. Motif-motif ini berada pada permukaan dinding arah utara, barat, timur dan selatan. Gambar berikut merupakan motif bunga yang terdapat di antara bumbung meru Masjid Kampung Keling.

a) Peoni

Gambar 3.18 Ukiran Peoni di MKK



Gambar 3.18 menunjukkan bunga peoni yang diukir dalam bentuk kembang mekar dan dihubungkan dengan daun dan batang pokok bunga ini.

b) Plum

Gambar 3.19 Ukiran Plum di MKK



¹³ Wisteria merupakan sejenis tumbuhan yang menjalar dengan bunga yang bergantung untuk musim panas

¹⁴ Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art: A Guide To Motifs And Visual Imagery*, (Singapore: Tuttle Publication, 2008), 18.

Gambar 3.19 ialah bunga plum yang mempunyai lima kelopak bunga yang diukir berhampiran buah anggur dan geometri.

c) Teratai

Gambar 3.20 Ukiran Teratai di MKK



Gambar 3.20 ialah ukiran bunga teratai yang diukir daripada arah sisi dan permukaan bunga.

d) Kekwa

Gambar 3.21 Ukiran Kekwa di MKK



Bunga kekwa pada gambar 3.21 ini diukir secara timbul dan dikelilingi daun dan batang pokok bunga ini.

e) Olea Fragrans

Gambar 3.22 Ukiran Olea Fragrans di MKK



Hiasan bunga Olea Fragrans hanya boleh didapati di negeri China, Korea dan Jepun. Bunga ini hanya mempunyai empat kelopak bunga dan mempunyai wangian yang harum. Bunga ini terdapat di bahagian empat penjuru bumbung Masjid Kampung Keling. Motif bunga yang sama penulis temui pada pintu gerbang Cina di pameran yang dianjurkan oleh Muzium Negara. Masjid di China juga turut mempraktikkan ukiran bunga ini di bahagian pintu masuk dewan solat. Selain itu, hiasan bunga ini juga temui pada hiasan batu pintu gerbang yang terletak di hadapan Muzium Nasional Guangzhou, China. Bunga ini turut menjadi motif hiasan bagi perabot-perabot yang digunakan oleh masyarakat baba dan nyonya di Melaka dan Pulau Pinang.

f) Cassia

Gambar 3.23 Ukiran Bunga Cassia di MKK



Bunga Cassia satu-satunya boleh dilihat di bahagian selatan lapisan bumbung masjid. Berdasarkan kajian, bunga ini digabungkan dengan motif haiwan iaitu arnab. Isu ini akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

ii) Motif Kosmos

a) Roda

Gambar 3.24 Ukiran Motif Roda di MKK



Rajah di atas merupakan salah satu daripada lambang agama Buddha iaitu roda. Roda turut diketahui sebagai roda kehidupan, roda kebenaran dan roda suci. Roda kehidupan ini menggambarkan tentang kitaran kehidupan seorang manusia bermula daripada kelahiran,

kematian sehinggalah kelahiran semula.¹⁵ Di bahagian tengah bulatan ini terdapat bunga teratai yang berfungsi sebagai simbol roda yang digambarkan sebagai roda dalam bentuk bunga. Terdapat hampir empat motif roda pada bahagian utara dan selatan permukaan lapisan kedua dinding masjid. Dua di bahagian utara dan dua lagi di bahagian selatan.

b) Skrol

Gambar 3.25 Ukiran Skrol di MKK



Berdasarkan gambar 3.25 hiasan skrol turut dijadikan sebagai salah satu hiasan pada ukiran masjid ini. Motif skrol yang ditampilkan dalam bentuk *chien nien* boleh dilihat di lapisan antara bumbung meru. Skrol merupakan salah satu lambang agama Buddha yang bermaksud ilmu pengetahuan. Hiasan skrol yang sama telah ditemui penulis di Tokong Cheng Hoon Teng yang terletak sebaris dengan Masjid Kampung Keling dan di Masjid Saad Abi Waqas di China. Ukiran skrol ini boleh dilihat pada bahagian selatan lapisan bumbung masjid yang kedua dan terdapat hampir tiga ukiran yang sama pada bahagian yang sama manakala di bahagian barat terdapat satu motif skrol. Secara keseluruhannya terdapat hampir empat skrol menghiasi bumbung Masjid Kampung Keling.

¹⁵ C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, (Charles E. Tuttle Company: Japan, 1974), 426.

c) Mutiara

Gambar 3.26 Ukiran Mutiara di MKK



Mutiara ialah salah satu daripada lapan lambang agama Buddha. Terdapat dua motif mutiara di bahagian lapisan pertama bumbung masjid arah utara dan barat.

d) Tanduk Badak


Gambar 3.27 Ukiran Tanduk Badak di MKK



Gambar di atas adalah merupakan salah satu daripada lapan lambang benda berharga dalam agama Buddha iaitu tanduk badak sumbu. Terdapat dua ukiran tanduk badak yang berada di bahagian utara dan barat lapisan kedua bumbung masjid.

e) Pasu

Rajah 3.12 Motif Tiga Buah Pasu di MKK



Rajah di atas adalah merupakan elemen bunga di dalam pasu. Hiasan pada bahagian atap ini menampilkan bunga-bunga yang berada dalam kedudukan bebas dan ada juga berada di dalam pasu. Keadaan ini sama seperti yang boleh dilihat pada rumah-rumah ibadat China.¹⁶ Terdapat tiga motif pasu yang berada di bahagian lapisan pertama bahagian utara masjid dan dua di bahagian barat, timur dan selatan. Ketiga-tiga pasu ini dihiasi dengan hiasan bunga teratai, peoni dan plum.

a) Peoni

Gambar 3.28 Motif Peoni dalam Pasu



¹⁶ Kohl, David G, *Chinese Architecture in the Strait Settlements and Western Malaya*, 64.

b) Plum

Gambar 3.29 Motif Plum dalam Pasu



c) Teratai

Gambar 3.30 Motif Teratai dalam Pasu



iii) Motif Buah

a) Anggur

Gambar 3.31 Motif Anggur di MKK



Gambar 3.31 merupakan motif buah anggur. Buah ini biasanya dijadikan motif dalam ukiran Cina dan seringkali dapat dilihat pada bahagian pinggiran objek. Motif ini berada di bahagian utara dan barat lapisan kedua bumbung masjid.

b) Peach

Gambar 3.32 Motif Peach di MKK



Berdasarkan kepada gambar 3.32 ukiran bentuk buah ini memiliki satu garisan dan saiz daun yang panjang berbentuk tirus dan ranting pokok dilihat mempunyai persamaan dengan buah peach. Buah peach ini terdapat di lapisan kedua bumbung masjid arah utara di bahagian hujung.

c) Labu

Gambar 3.33 Motif Buah Labu di MKK



Rajah di atas adalah merupakan motif buah labu yang diabadikan dalam bentuk *chien nien*. Motif ini disahkan berdasarkan kepada bentuk buahnya yang memiliki garisan panjang

daripada atas sehingga ke bawah beserta bentuk daunnya yang bersifat lebar. Ukiran buah ini terdapat di bahagian utara dan selatan pada lapisan bumbung masjid yang kedua.

iv) Motif Haiwan

a) Pegar

Gambar 3.34 Motif Burung Pegar di MKK



Pada bahagian utara lapisan pertama bumbung masjid ini terdapat motif bunga teratai, peoni dan plum. Di atas motif bunga peoni terdapat motif haiwan iaitu burung pegar. Badan burung tersebut dilitupi oleh daun bunga. Terdapat dua ekor burung yang bertenggek di atas dahan. Gabungan di antara haiwan dan tumbuhan dalam kesenian Cina adalah biasa kerana keduanya membawa maksud dan lambang tertentu. Contohnya bunga teratai biasanya digabungkan dengan itik mandarin manakala plum digabungkan dengan burung murai.¹⁷ Sila rujuk bahagian lampiran untuk ilustrasi jelas.

¹⁷ Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art: A Guide To Motifs And Visual Imagery*, Singapore: Tuttle Publishing, 2008), 18.

b) Arnab

Gambar 3.35 Motif Arnab Di Sebalik Bunga Cassia di MKK



Gambar di atas merupakan motif arnab yang berada disebalik kuntuman bunga Cassia. Berdasarkan kajian kedua motif ini hanya terdapat di bahagian selatan bumbung masjid sahaja. Berbeza daripada motif-motif lain yang boleh dilihat dalam jumlah yang besar di setiap permukaan dinding bumbung masjid.

v) Motif Fenomena

a) Awan Skrol (Cloud Scroll)

Gambar 3.36 Motif Awan Skrol di MKK



Awan skrol atau gulungan awan sering dijadikan motif dalam kepelbagaian bentuk hiasan seperti seramik dan tekstil.¹⁸ Motif awan skrol di Masjid Kampung Keling dapat di lihat di bahagian empat penghujung atap masjid dan di bahagian som bumbung masjid.

¹⁸ Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, (Graham Brash Singapore: Singapore, 1977), 92.

vi) Motif Geometri

a) Klasik Skrol


Gambar 3.37 Motif Klasik Skrol di MKK



Gambar 3.37 merupakan hiasan klasik skrol iaitu lengkungan menarik yang terdapat pada bingkai bumbung Masjid Kampung Keling. Hiasan klasik skrol ini boleh dilihat di bahagian utara dan selatan lapisan kedua bumbung masjid. Motif berbentuk lengkungan mendalam dan berada di dalam kedudukan melintang. Dalam kesenian Cina, motif klasik skrol ini sememangnya dijadikan hiasan pada bahagian bingkai bumbung bangunan dan bingkai seramik.

a) Geometri

Gambar 3.38 Motif Geometri di MKK



Pada bumbung masjid ini juga terdapat hiasan geometri yang diukir berhampiran dengan bunga plum. Ukiran geometri ini berada di empat lokasi pada bahagian lapisan bumbung masjid yang kedua iaitu di bahagian utara dan selatan permukaan dinding masjid.

b) Kaligrafi

Gambar 3.39 Motif Kaligrafi Cina di MKK




Kaligrafi Cina yang membawa erti kegembiraan berganda ini diukir dalam keadaan menegak. Lokasi kaligrafi ini dapat dilihat di setiap bahagian utara, selatan, timur dan barat iaitu pada bahagian lapisan kedua bumbung masjid.

b) Hiasan antara Atap Masjid Tengker

Rajah 3.13 Masjid Tengker

Kedudukan
hiasan kaligrafi
Cina di Masjid
Tengker



i) Motif Geometri

a) Kaligrafi

Gambar 3.40 Motif Kaligrafi di MT




Sepanjang kajian penulis telah menemui kaligrafi Cina yang tersembunyi dibalik sulur bayur Masjid Tengker. Ianya kelihatan seperti daun kerana ditampilkan dalam warna hijau. Setelah kajian dilakukan imej tersebut merupakan kaligrafi Cina yang diukir dalam keadaan melintang yang membawa erti tuah atau nasib yang baik. Secara keseluruhan motif ini berada di setiap sudut sulur bayur masjid ini menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak enam belas kaligrafi Cina yang berada dalam kedudukan melintang.

3.1.1.5 Pintu Gerbang Masjid

Pembinaan pintu gerbang Masjid Kampung Keling, Masjid Tengker dan Masjid Kampung Hulu adalah di antara pembinaan yang terawal berlaku seiring dengan pembinaan dan renovasi masjid. Pengaruh penggunaan pintu gerbang mula diperkenalkan sewaktu zaman penjajahan Belanda, Inggeris dan berterusan sehingga ke hari ini.

a) Masjid Kampung Keling

Rajah 3.14 Pintu Gerbang MKK



i) Motif Bunga

a) Teratai (Buah Buton)

Gambar 3.41 Buah Buton MKK



Apabila diperhatikan secara teliti pada pintu gerbang Masjid Kampung Keling, penulis mendapati terdapat tiga buah buton dengan hiasan bunga teratai dalam kedudukan terbalik. Bunga tersebut diwarnakan dengan warna coklat gelap.

b) Olea Fragrans

Gambar 3.42 Motif Bunga Olea Fragrans di MKK



Motif bunga Fragrans yang dicat dengan warna kuning keemasan ini boleh dilihat sebagai hiasan pintu gerbang masjid ini. Terdapat empat kuntum bunga yang diletakkan secara berasingan iaitu dua di bahagian hadapan pintu masuk dan dua lagi boleh dilihat di lokasi bertentangan.

c) Teratai Skrol (Lotus Scroll)

Gambar 3.43 Motif Gulungan Teratai di MKK




Pada pintu gerbang Masjid Kampung Keling ini terdapat hiasan gulungan bunga teratai berwarna kuning yang diukir dalam bentuk gulungan beralun. Panel teratai telah mula

digunakan sejak dari zaman Dinasti Song.¹⁹ Dua gulungan teratai ini boleh dilihat di bahagian dalam dan luar bingkai pintu gerbang masjid.

ii) Motif Fenomena

d) Seramik Cina

Rajah 3.15 Pasu Seramik Cina di MKK



Pada puncak gerbang masjid ini terdapat hiasan pasu seramik Cina. Pasu ini diwarnakan dengan warna yang pelbagai dan menarik. Oleh kerana terdapat serpihan pasu yang pecah, penulis tidak dapat melihat secara keseluruhan motif yang terdapat pada pasu tersebut. Tetapi apa yang dapat direkodkan terdapat motif haiwan iaitu rama-rama, bunga peoni dan bunga teratai pada permukaan pasu tersebut. Kebiasaannya barangan seperti pasu, seramik, tembikar dan jubin diimport khas dari wilayah yang berperanan sebagai pengeluar terbesar seperti Kiangsi, Kwantung dan Fukien.²⁰ Pasu seramik ini satu-satunya yang terdapat di puncak gerbang masjid.

¹⁹ Grace Choong Ai May, "Baba and Nyonya Ceramics: Design and Motifs of the Famille Rose Porcelain," *Wancana Seni Journal of Arts Discourse*. Jil.Vol.7. (2008), 37.

²⁰ C.A.S William, *Outlines of Chinese Symbolism and Art Motives*, 67.

a) Peoni

Gambar 3.44 Motif Bunga Peoni di MKK




b) Teratai

Gambar 3.45 Motif Bunga Teratai di MKK



c) Rama-rama

Gambar 3.46 Motif Rama-rama di MKK



iii) Motif Geometri

d) Fret

Gambar 3.47 Motif Fret di MKK



Di atas motif teratai yang beralun pada pintu gerbang masjid terdapat motif fret yang mana motif ini adalah rangkaian daripada motif swastika. Terdapat dua motif fret yang terletak di hadapan dan belakang bahagian pintu gerbang ini.

iv) Motif Haiwan

e) Ekor burung layang-layang

Gambar 3.48 Motif Ekor Burung Layang-layang



Di bahagian hujung iaitu kiri dan kanan pintu gerbang masjid ini terdapat sulur bayur yang bermotifkan ekor layang-layang.

b) Pintu Gerbang Masjid Tengker

Rajah 3.16 Pintu Gerbang MT



Pintu gerbang masjid ini mendapat pengaruh Eropah iaitu dengan gaya dan reka bentuk tiang Corinthian Order yang dipenuhi dengan daun Achantus dan dihiasi dengan jubin yang dibawa dari Eropah. Walau bagaimanapun, penulis dapati terdapat penggunaan dua motif Cina iaitu motif burung layang-layang pada bahagian hujung puncak gerbang ini sama seperti yang terdapat di gerbang Masjid Kampung Keling dan motif naga melingkar. Secara keseluruhan, gerbang Masjid Tengker mempunyai ciri gabungan yang menarik iaitu daripada pengaruh Eropah, Inggeris dan China.

i) Motif Haiwan

a) Ekor layang-layang

Gambar 3.49 Ekor Burung Layang-layang MT



Motif ekor burung layang-layang boleh dilihat dengan jelas di bahagian kiri dan kanan pintu gerbang masjid. Motif yang sama juga boleh dilihat di bahagian yang bertentangan pada pintu gerbang yang sama.

b) Naga (melingkar)

Gambar 3.50 Naga Melingkar di MT



Motif naga dalam keadaan melingkar ini berada jelas di bawah motif ekor burung layang-layang. Terdapat empat motif naga melingkar di bahagian pintu gerbang masjid ini.

c) Pintu gerbang Masjid Kampung Hulu (MKH)

Rajah 3.17 Pintu Gerbang MKH



Melihat kepada bentuk gerbang Masjid Kampung Hulu, penulis dapati gerbang masjid ini mempunyai mahkota atap dan sulur bayur. Menurut rekod PERZIM, mahkota atap masjid dan pintu gerbang serta sulur bayur masjid ini dibuat oleh orang Cina.²¹

i) Motif Kosmos

a) Labu Botol Cina

Gambar 3.51 Motif Labu Botol Cina di MKH



²¹ Rekod Simpanan PERZIM

Mahkota atap gerbang masjid ini bermotifkan ‘bottle gourd’ atau botol yang berbentuk buah labu Cina. Ianya merupakan salah satu daripada lapan lambang Taoisme.

ii) Motif Geometri

b) Geometri

Gambar 3.52 Motif Geometri di MKH




Sulur bayur pintu gerbang masjid ini serupa dengan sulur bayur bumbung tiga lapis masjid tersebut iaitu bentuk geometri. Sulur bayur ini memiliki bentuk yang diilhamkan daripada titik garis geometri.

3.1.6.1 Hiasan Sekitar Masjid

Penulis mendapati hiasan yang mempunyai motif dan ornamentasi Cina sekitar di tiga masjid kajian ini hanya terdapat di Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengkerasahaja. Bahagian sekitar luar Masjid Kampung Hulu tidak ditemui sebarang motif Cina. Moti-motif Cina yang terdapat di sekitar masjid kajian ini bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan tetapi juga berperanan sebagai pelindung kawasan sekitar masjid. Ketiadaan motif dan ornamentasi Cina di bahagian kawasan sekitar Masjid Kampung Hulu disebabkan hiasan luarnya lebih dipengaruhi unsur Eropah seperti penggunaan tiang.

a) **Masjid Kampung Keling**

Rajah 3.18 Kawasan Sekitar MKK



Sepanjang pemerhatian penulis, hiasan-hiasan geometri yang terdapat pada pagar batu di sekitar Masjid Kampung Keling mempunyai persamaan dengan hiasan geometri yang terdapat di Tokong Cina Cheng Hoon Teng. Material yang sama penulis temui di Muzium Kesenian Melaka, masjid di China iaitu Masjid Huaisheng, Masjid Saad Abi Waqas dan Masjid Dongining China.²² Hasil pemerhatian mendapati material ini mempunyai bentuk dan warna yang sama pada setiap lokasi kunjungan. Bentuk geometri yang sama ini menjadi lambang dan hiasan pada bahagian pagar kediaman masyarakat Cina dan rumah ibadat Cina.

²² Penemuan material berbentuk geometri ini pada masjid di China adalah berfungsi sebagai penghadang atau tembok kepada bahagian luar dan dalam masjid. Penemuan material yang sama di Muzium Kesenian Melaka adalah sebagai bahan yang dijadikan pameran dan menurut rekod muzium bahan ini dibawa masuk oleh Cheng Ho sekitar tahun 1403-1433M. (Rekod Simpanan PERZIM)

i) Motif Kosmos

a) Geometri dan Duit syiling

Gambar 3.53 Motif Syiling di MKK



Berdasarkan kepada sumber yang disampaikan pihak PERZIM, material ini dibawa masuk sewaktu zaman Dinasti Ming (1368M-1644M) dan individu yang bertanggungjawab untuk membawa masuk material ini adalah Cheng Ho dan proses ini berlaku sepanjang pelayaran beliau di Asia Tenggara.²³ Motif Geometri/Duit Syiling yang boleh dilihat sekitar bahagian luar masjid berfungsi sebagai penghadang kepada bahagian luar dan dalam kawasan masjid. Hasil daripada kajian penulis, imej ini bukan sahaja melambangkan geometri tetapi juga merupakan salah satu lambang agama Buddha yang mana ianya mewakili duit. Dalam ajaran Buddha, duit syiling melambangkan kekayaan.²⁴

ii) Motif Bunga

b) Teratai

Gambar 3.54 Motif Teratai Seramik di MKK



²³ Rekod Simpanan PERZIM

²⁴ Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 95.

Bunga teratai yang diukir atas batu seramik ini boleh dilihat dalam jumlah besar yang berfungsi sebagai penghadang di antara kawasan kolam wuduk dan kubur. Motif teratai seramik ini banyak ditemui di tokong China, masjid di China dan rumah kediaman masyarakat Baba dan Nyonya.

b) Masjid Tengker

Rajah 3.19 Kawasan Sekitar MT



i) Motif Geometri

a) Swastika

Gambar 3.55 Motif Swastika di Pintu Masuk Alternatif MT



Selain daripada pintu gerbang yang digunakan para jemaah sebagai pintu masuk utama, terdapat tiga pintu kecil yang terletak sebaris dengan gerbang utama. Motif yang dapat dilihat sebagai hiasan kepada pagar kecil ini adalah motif swastika. Terdapat enam motif swastika pada ketiga-tiga pintu Masjid Tengker.

ii) Motif Bunga

b) Teratai

Gambar 3.56 Motif Teratai Bertingkat di MT



Pada bahagian luar terdapat tiang kayu utama yang berfungsi untuk menampung bumbung masjid. Jumlah keseluruhan tiang ini adalah sebanyak dua belas dan semua tiang tersebut mempunyai corak bunga teratai seperti dalam gambar 3.56 yang boleh dilihat pada keseluruhan bahagian permukaan tiang tersebut. Tiang tersebut dihiasi dengan ukiran bunga teratai yang kelihatan agak unik berbanding motif bunga teratai pada bahagian masjid lain.

3.1.2 Rumusan


Hasil daripada analisis motif dan ornamentasi Cina yang terdapat pada komponen luar masjid didapati terdapat enam motif yang terdiri daripada motif bunga, buah, haiwan, geometri, fenomena dan kosmos yang menghiasi komponen luar tiga buah masjid kajian ini. Bahagian bumbung Masjid Kampung Keling mempunyai motif Cina yang terbanyak dan mencakupi segala jenis motif dan ornamentasi yang terdiri daripada motif bunga, haiwan, buah, kosmos, fenomena dan geometri. Bahagian bumbung Masjid Tengkerah hanya terdapat motif geometri manakala bumbung Masjid Kampung Hulu tidak terdapat sebarang motif. Pintu gerbang Masjid Kampung Keling mempunyai motif haiwan, geometri dan bunga manakala Masjid Tengkerah hanya mempunyai motif haiwan dan Masjid Kampung Hulu mempunyai motif geometri dan kosmos. Mahkota atap ketiga buah masjid mempunyai motif kosmos. Sultur bayur Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu mempunyai motif geometri manakala Masjid Tengkerah adalah motif haiwan. Kawasan sekitar Masjid Kampung Keling terdapat motif kosmos dan bunga manakala Masjid Tengkerah mempunyai motif bunga dan geometri. Masjid Kampung Hulu tidak terdapat sebarang motif di kawasan sekitarnya.

3.2 Motif dan Hiasan Cina Komponen Dalam Masjid

Komponen dalaman tiga buah masjid kajian yang mempunyai unsur motif dan ornamentasi Cina boleh didapati pada bahagian mimbar dan mihrab. Ruangan yang lain tidak ditemui sebarang motif. Dewan solat merupakan ruangan utama yang sering mengalami proses ubah suai bagi tujuan pembesaran ruang untuk memudahkan para

jemaah menunaikan solat.²⁵ Suatu ketika dahulu dewan solat Masjid Kampung Keling, Masjid Kampung Hulu dan Masjid Tengkerah adalah di antara ruang yang mempunyai motif dan ornamentasi Cina yang terbanyak.²⁶ Namun disebabkan pertambahan penduduk, ruangan tersebut perlu dibesarkan dan segala warisan motif dan ornamentasi Cina ini terpaksa dibuang bagi tujuan renovasi. Sehubungan itu, sepanjang kajian penulis hanya menemui unsur motif Cina ini pada bahagian mimbar dan mihrab sahaja.

Rajah 3.20: Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Dalam Masjid Kampung Keling




²⁵Puan Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Pegawai di Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur) dalam temubual bersama penulis, 15 Februari 2012

²⁶Martin Frishman dan Hasan Uddin Khan, *The Mosque: History Architectural Development and Regional Diversity*, (United Kingdom: Thames&Hudson, 1994), 238.


Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2014

Rajah 3.21: Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Dalam Masjid Kampung Tengker



Sumber: Kajian Lapangan 2011-2014

Rajah 3:22 Pengklasifikasian Jenis Motif Mengikut Kategori Pada Komponen Dalam Masjid Kampung Hulu




Sumber: Kajian Lapangan 2011-2013

3.2.1 Mihrab

Mihrab Masjid Tengkeria merupakan satu-satunya masjid yang mempunyai motif Cina. Dua buah masjid lagi iaitu Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu tidak ditemui sebarang motif Cina. Mihrab Masjid Kampung Keling terdapat penggunaan jubin yang diimport dari British selain itu terdapat ukiran motif bayam peraksi pada bahagian kaki mimbar. Mihrab Masjid Kampung Hulu tidak ditemui sebarang motif.

a) Mihrab Masjid Tengker

Rajah 3.23 Mihrab MT



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Gambar 3.57 Teratai Tunggal di mihrab MT



Penulis mendapati bahagian langit mihrab ini terdapat motif bunga teratai. Bunga ini boleh dilihat dalam bentuk tunggal tanpa sebarang daun. Pada kebiasaannya, rumah ibadat Cina yang dibangunkan di kawasan bukit seringkali diukir hiasan-hiasan tertentu pada dinding dan lelangit bangunan. Hal ini tidak terkecuali bunga teratai dimana siling rumah ibadat

Cina biasanya akan diukir dengan bunga teratai dalam bentuk tunggal.²⁷ Bunga teratai yang berada dalam bentuk tunggal biasanya dikaitkan dengan simbol agama Buddha sebagai lambang kepada kesucian agama ini.²⁸ Bunga yang diukir pada bahagian lelangit siling agak sukar dilihat melainkan didongakkan kepala ke atas. Kedudukan bunga teratai yang terdapat di mihrab Masjid Tengkeria agak terlindung dan tidak dapat dilihat melainkan tetamu masjid masuk melihat ke dalam mihrab.

b) Roda

Gambar 3.58 Motif Roda Pada Siling Mihrab MT



Secara keseluruhannya motif pada siling mihrab ini melambangkan roda dalam agama Buddha. Terdapat lapan garisan kuning yang dianggap sebagai lapan prinsip kitaran hidup manusia menggantikan jejaring roda. Lapan jejaring mewakili roda daripada agama Buddha dan lapan fahaman tersebut ialah pemikiran baik, fahaman baik, percakapan baik, pemikiran yang betul, perbuatan yang betul, usaha yang betul, menjalani kehidupan baik dan meditasi yang betul.²⁹

²⁷ Jessica Rawson, *Chinese Ornament: The Lotus and The Dragon*, 37.

²⁸ *Ibid.*, 31.


²⁹ Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 242.

3.2.2 Mimbar

Mimbar-mimbar di masjid kajian ini mempunyai jumlah motif terbesar. Kesemua motif ini mempunyai keunikan tersendiri. Secara keseluruhan, mimbar Masjid Tengkeria mempunyai jumlah motif dan ornamentasi Cina yang terbesar berbanding dua mimbar di Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu. Walaubagaimanapun, penghasilan mimbar di ketiga masjid ini adalah pembuatan orang Cina muslim yang bermazhab Hanafi ketika datang atas urusan berdagang.

3.2.2.1 Arah Hadapan Mimbar Masjid Kampung Keling

Rajah 3.24 Bahagian Hadapan Mimbar MMK



i) Motif Bunga

a) Teratai

Rajah 3.25 Buah Buton Mimbar MKK



Berdasarkan kepada rajah 3.25 puncak mimbar ini dihiasi dengan buah buton yang berbentuk buah labu dan mempunyai tiga tingkat lapisan. Lapisan pertama merupakan bunga teratai yang tidak mekar. Lapisan kedua terdapat enam kelopak teratai yang mengelilingi buah buton ini. Lapisan terbawah sekali terdapat hampir lapan kelopak bunga teratai yang berbentuk lebar kelopaknya.

b) Plum

Gambar 3.59 Bunga Plum di Mimbar MKK



Bunga Plum pada gambar 3.59 ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar. Motif ini digambarkan dalam bentuk mahkota yang dipakai oleh penari-penari tarian istana ketika melakukan persembahan. Bunga plum pada bahagian ini tidak mementingkan sifat batang bunga yang tajam dan tidak terdapat putik bunga. Bunga plum pada gambar 3.59 ini menjadikan bunga sebagai motif utama dan dikembangkan fungsinya kepada bentuk gulungan.

c) Teratai

Gambar 3.60 Motif Bunga Teratai



Bunga teratai pada gambar 3.60 merupakan motif utama yang berada di bahagian tengah dan daripada motif utama ini terdapat gulungan teratai boleh dilihat menjalar daripada motif utama ini.

d) Plum

Gambar 3.61 Motif Bunga Plum di Mimbar MKK



Ukiran pokok plum ini memiliki bentuk yang sama seperti cerminan di antara bahagian kiri dan kanan. Pokok ini mempunyai dahan bercabang dan melalui dahan tersebut terdapat ukiran bunga plum yang kembang mekar beserta putik bunga plum.

e) Teratai

Gambar 3.62 Motif Bunga Teratai di Mimbar MKK



Melihat kepada arah depan mimbar khususnya di bahagian para imam bersandar sewaktu memberi khutbah penulis dapati terdapat beberapa motif Cina yang menghiasi kawasan tersebut. Bahagian atas tempat duduk ini dihiasi dengan hiasan bunga teratai sebagai tunjang utama dan di sambung dengan hiasan bunga teratai yang ditampilkan dalam bentuk gulungan dan diwarnakan dengan warna kuning keemasan.

f) Plum

Gambar 3.63 Motif Bunga Plum di MKK



Gambar 3.63 merupakan motif bunga plum blossom yang dihias bersama dahan dan batang pokok bunga ini telah dijadikan hiasan pada bahagian bawah motif bunga teratai (rujuk

gambar 3.62). Sebahagian daripada bunga ini berkembang mekar dan sebahagiannya lagi masih belum berbunga. Bunga plum ini mewakili musim sejuk serta melambangkan kesucian. Bunga yang mempunyai lima kelopak ini dikatakan bunga yang bertuah kerana nombor lima adalah merupakan nombor yang bernasib baik bagi masyarakat Cina.³⁰

g) Teratai

Gambar 3.64 Motif Bunga Teratai



Bunga teratai ini diukir dalam bentuk menjalar daripada pasu bunga. Terdapat daun teratai sebagai motif utama dan batang pokok yang menghubungkan daun bunga ini.

h) Teratai

Gambar 3.65 Motif Bunga Teratai di Tapak Mimbar MKK



³⁰ A British Museum, *Tour China Journey to the East*, (UK: British Museum, 2008), 1.

Teratai yang diukir di bahagian tapak mimbar ini menyerupai teratai yang diukir pada makara mimbar. Bunga teratai berperanan sebagai motif utama yang dihubungkan dengan gulungan teratai.

iii) Motif Kosmos

i) Pasu (Layer Jar)

Gambar 3.66 Motif Pasu di Tiang Mimbar




Pada bahagian tiang unsur pengimbang terdapat tumbuhan yang menjalar dari pasu kecil sehingga ke hujung tiang mimbar ini. Pasu ini dikenali sebagai 'layer jar' dan memiliki mulut pasu yang luas. Pasu ini pertama kalinya dibuat dan diperkenalkan pada abad ke-15M iaitu sewaktu zaman Dinasti Ming. Pasu ini boleh dilihat dalam warna kuning, biru, putih dan hijau.³¹

³¹ Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 74.

3.2.2.2 Mimbar Masjid Kampung Keling Daripada Arah Sisi

Rajah 3.26 Mimbar MKK Daripada Arah Sisi



i) Motif Bunga

a) Peoni

Gambar 3.67 Peoni Di Sisi Mimbar MKK



Motif peoni ini terletak di sisi mimbar masjid dan terdapat dua peoni yang diukir dalam bentuk seperti gambar 3.67 yang tidak ada pada masjid kajian yang lain.

b) Bunga Plum

Gambar 3.68 Bunga Plum di MKK



Bunga plum pada gambar 3.68 diukir dalam bentuk pokok yang mempunyai akar dan daripada batang pokok itu kelihatan bunga plum yang disatukan dengan putik plum yang masih belum berbunga.

c) Plum

Gambar 3.69 Bunga Plum di MKK



Motif bunga plum seperti pada rajah 3.69 ini diukir dalam bentuk pokok bunga plum tetapi tidak terdapat putik bunga melainkan bunga plum yang kembang mekar sahaja. Terdapat dua ukiran seperti pada rajah di 3.69 yang berada di sisi mimbar masjid ini.

d) Teratai

Gambar 3.70 Bunga Teratai di MKK



Bunga teratai dalam gambar 3.70 kelihatan ukiran kelopak bunga teratai yang kembang mekar. Ukiran ini menggambarkan bunga ini seolah berada di atas permukaan air. Ukiran ini berada di sisi mimbar masjid dengan jumlah dua ukiran.

e) Teratai (Buah Buton)

Gambar 3.71 Buah Buton Teratai di MKK



Terdapat hampir empat motif buah buton teratai dalam kedudukan terbalik pada bahagian tiang makara mimbar masjid ini. Dua buah buton di bahagian sisi kiri dan dua buah lagi di sisi kanan mimbar.

f) Plum

Gambar 3.72 Bunga Plum



Bunga plum pada bingkai mimbar ini diukir secara tunggal dan berasingan tanpa ada batang yang menghubungkan bunga dengan daun. Secara keseluruhannya bunga ini boleh dilihat di kedua bahagian sisi mimbar dan bahagian hadapan mimbar. Bunga ini tidak terdapat di bahagian belakang mimbar.

g) Olea Fragrans

Gambar 3.73 Bunga Olea Fragrans



Bahagian tengah ornamen yang ditandakan dengan bulatan ini merupakan motif bunga Olea Fragrans yang hanya mempunyai empat kelopak bunga. Kedudukan bunga ini diukir pada bahagian tengah endless knot. Motif bunga Olea Fragrans ini boleh dilihat di bahagian sisi kiri dan kanan mimbar masjid.

h) Teratai Skrol (Lotus Scroll)

Gambar 3.74 Gulungan Teratai



Motif gulungan teratai ini boleh dilihat di bahagian tapak sisi mimbar Masjid Kampung Keling. Gulungan teratai ini bermula daripada bahagian tengah dan berakhir dengan gulungan di bahagian sisi kiri dan kanan. Terdapat hampir enam gulungan teratai dengan ukiran seperti pada rajah 3.74 di bahagian kiri dan kanan mimbar.

ii) Motif Haiwan

i) Ekor Naga

Gambar 3.75 Ekor Naga



Motif ekor naga ini berada di puncak mimbar yang disambung dengan sisik naga tanpa kepala. Secara keseluruhan terdapat hampir empat ekor naga.

j) Sisik Naga

Gambar 3.76 Sisik Naga



Motif sisik naga ini disambung daripada mahkota atap mimbar dan berakhir dengan ekor naga. Secara keseluruhan terdapat empat sisik dan ekor naga.

iii) Motif Kosmos

k) Teratai

Gambar 3.77 Mahkota Atap Mimbar



Mahkota atap mimbar Masjid Kampung Keling ini mempunyai tiga lapisan dan setiap lapisan mahkota atap ini dilapisi dengan empat kelopak bunga teratai.

l) Endless Knot (Ikatan tanpa penghujung)

Gambar 3.78 Endless Knot di MKK



Endless knot ini terletak di sisi bahagian kiri dan kanan mimbar masjid. Motif ini merupakan salah satu lambang agama Buddha. Penemuan motif endless knot di tokong Cina atau masjid di China tidak terdapat motif bunga di bahagian tengah. Motif yang disertakan bunga Olea Fragrans ini hanya didapati di mimbar Masjid Kampung Keling sahaja.

iv) Motif Fenomena

m) Kolar Awan

Gambar 3.79 Motif Kolar Awan



Pada sekitar motif bunga Olea Fragrans ini terdapat satu motif yang dikenali sebagai kolar awan atau 'lappet.' Reka bentuk corak ini dikenali sebagai corak ju-i, ogival dan

lambrequins.³² Terdapat lapan motif kolar awan yang mana setiap empat daripadanya terletak di bahagian sisi kanan dan kiri mimbar.

n) Klasik skrol

Gambar 3.80 Lengkungan Klasik Skrol




Pada sisi mimbar masjid ini terdapat hiasan yang dikenali sebagai klasik skrol yang diukir dalam bentuk lengkungan pada kaki mimbar masjid pada bahagian sisi kiri dan kanan mimbar. Motif ini juga sering dijadikan sebagai hiasan di bahagian pinggiran pinggan seramik Cina.

³² Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 92.

3.2.2.3 Bahagian Hadapan Mimbar Masjid Tengker

Rajah 3.27 Bahagian Hadapan Mimbar MT



i) Motif Bunga

a) Teratai

Gambar 3.81 Mahkota Teratai di MT



Pada bahagian makara mimbar ini boleh dilihat kelopak bunga teratai atau mahkota teratai sebagai motif utama hiasan yang kemudiannya diserikan dengan pecahan dedaun daripada motif utama tersebut.

b) Plum

Gambar 3.82 Bunga Plum



Bunga plum pada bahagian kepala mimbar ini mempunyai ciri yang menarik kerana bunga ini ditampilkan dalam bentuk lencongan yang melengkung. Pemerhatian yang teliti perlu dilakukan bagi mengenalpasti jenis bunga yang digunakan pada bahagian ini.

c) Teratai

Gambar 3.83 Buah Buton Teratai Mimbar



Pada bahagian atas makara ini terdapat buah buton kecil yang boleh dilihat di bahagian tengah makara dan dikiri kanan tiang makara mimbar ini. Material ini dihasilkan dengan menggunakan tembaga dan boleh dilihat dalam tiga bentuk lapisan. Lapisan yang pertama merupakan motif bunga teratai dalam keadaan menguncup manakala di bahagian tengah dan bawah material terdapat hiasan motif bunga teratai yang mekar.

d) Plum

Gambar 3.84 Bunga Plum di MT



Di bahagian bawah makara terdapat hiasan motif bunga plum yang ditampilkan kelopak bunga yang dihubungkan dengan kelopak lain melalui batang bunga.

e) Teratai

Gambar 3.85 Mahkota Teratai di Mimbar MT



Pada bahagian tengah mimbar iaitu tempat imam bersandar terdapat motif bunga teratai dalam bentuk mahkota sebagai elemen utama dan motif tersebut adalah serupa dengan hiasan motif yang terdapat pada bahagian makara mimbar.

f) Plum

Gambar 3.86 Bunga Plum di Bagian Kerusi Imam



Di bahagian tempat imam bersandar terdapat motif bunga plum yang terdapat dalam dua bentuk pembahagian. Di bahagian kiri ialah motif bunga plum yang ditampilkan daripada sudut sisi manakala di sebelah kanan ialah bunga plum yang diukir daripada arah hadapan kelopak bunga. Di bahagian bawah bunga plum ini terdapat seekor katak yang bertenggek pada dahan pokok bunga ini.

g) Gulungan Teratai (Lotus Scroll)

Gambar 3.87 Gulungan Teratai di Mimbar MT



Bunga teratai yang ditampilkan dalam bentuk gulungan ini terdapat di sisi mimbar masjid. Dua di bahagian kiri manakala dua lagi di bahagian kanan mimbar.

h) Peoni

Gambar 3.88 Bunga Peoni di Tapak Mimbar



Bunga peoni yang berbentuk tunggal ini berada di bawah tapak mimbar di mana setiap satu peoni diukir di bahagian kiri dan kanan tapak mimbar.

i) Peoni

Gambar 3.89 Bunga Peoni di Tapak Mimbar MT



Bunga peoni berangkai ini mempunyai hampir empat kuntum peoni yang dihubungkan melalui batang pokok bunga dan di sampingnya terdapat daun bunga peoni. Ukiran bunga ini boleh dilihat di bahagian bawah tapak mimbar.

ii) Motif Haiwan

j) Katak

Gambar 3.90 Motif Katak di Mimbar MT




Kedudukan katak ini berada di bawah bunga plum iaitu di bahagian tempat imam bersandar semasa memberi khutbah. Motif ini hanya mempunyai satu sahaja dan duduk bertenggek menghala ke arah luar.

3.2.2.4 Sisi Mimbar Masjid Tengker

Rajah 3.28 Sisi Mimbar MT

Petunjuk:

- a. Teratai
- b. Pasu(bluster jar)
- c. Bekas buahan
- d. Sisik naga
- e. Tapir
- f. Teratai Skrol
- g. Teratai
- h. Teratai
- i. Teratai
- j. Orkid
- k. Plum
- l. Teratai
- m. Peoni
- n. Peoni
- o. Teratai Skrol
- p. Buah Buton
- q. teratai
- r. Plum
- s. Flet
- t. Geometri
- u. Tanglung
- v. Tanglung



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Gambar 3.91 Mahkota Atap Mimbar MT



Terdapat dua motif bunga teratai berbentuk sederhana pada mahkota mimbar masjid yang berada pada lapisan pertama dan kedua.

b) Pasu (bluster vase)

Gambar 3.92 Motif Pasu di Mimbar MT



Pasu yang berbentuk seperti ini dikenali sebagai 'baluster vase' atau *yen-yen* vase iaitu pasu yang mempunyai leher berbentuk slinder dan mulut trompet. Pasu bentuk ini mula diperkenalkan pada zaman Dinasti Ching sehingga sekarang.³³ Pasu ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar.

³³ Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 59.

c) Bekas buahan

Gambar 3.93 Bekas Buahan di Mimbar MT



Ukiran bekas buahan ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar masjid. Berdasarkan kajian buah yang mengisi bekas ini ialah buah pisang dan peach.

ii) Motif Haiwan

d) Sisik Naga


Gambar 3.94 Sisik Naga di Puncak Mimbar MT



Sisik naga berada di atas puncak mimbar yang bersambung dengan mahkota mimbar dan berakhir dengan lencongan ekor naga.

e) Tapir

Gambar 3.95 Tapir di Sisi Mimbar MT



Haiwan ini boleh didapati di bahagian kiri dan kanan mimbar. Motif ini berada di bahagian bawah mimbar dan kedudukannya agak tersembunyi daripada pandangan visual.

iii) Motif Bunga

f) Teratai Skrol/Gulungan Teratai (Lotus Skrol)

Gambar 3.96 Gulungan Teratai di Mimbar MT



Gulungan teratai boleh dilihat di bahagian sisi mimbar terutamanya pada tiang utama mimbar.

g) Teratai

Gambar 3.97 Bunga Teratai



Terdapat empat jenis ukiran teratai seperti pada gambar 3.97 di bahagian kiri dan kanan mimbar. Imej visual memperlihatkan kuntuman teratai dalam saiz yang besar di bahagian tengah dan di sekitarnya merupakan gulungan teratai yang terhasil daripada kuntuman bunga yang utama.

h) Teratai

Gambar 3.98 Bunga Teratai di Mimbar MT



Bunga teratai yang ditampilkan dalam keadaan menguncup ini diukir daripada arah sisi ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar.

i) Teratai

Gambar 3.99 Bunga Teratai



Bunga peoni pada rajah di atas berada di bahagian bawah tapak mimbar. Terdapat dua ukiran bunga peoni dalam bentuk mekar diukir bersama daun peoni yang dihubungkan dengan batang pokok bunga peoni.

j) Orkid

Gambar 3.100 Bunga Orkid di Sisi Mimbar MT



Bunga yang digunakan untuk menghiasi pasu ini ialah bunga orkid dan sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Cina untuk menggunakan bunga ini bagi menghiasi pasu jenis ‘bluster vase.’

k) Plum

Gambar 3.101 Bunga Plum di Tiang Mimbar MT



Bunga plum pada rajah di atas diukir pada tiang mimbar secara menegak. Terdapat hampir enam tiang mimbar diukir dengan motif bunga plum dalam bentuk bercabang ini.

l) Teratai

Gambar 3.102 Teratai Pada Permukaan Pasu



Melihat kepada permukaan pasu ini terdapat hiasan kelopak teratai yang berfungsi sebagai pembuka dan penutup hiasan seramik ini. Tiga kelopak diukir pada bahagian atas manakala tiga kelopak lagi diukir pada bahagian bawah permukaan pasu.

m) Peoni

Gambar 3.103 Bunga Peoni di MT



Rajah 3.102 merupakan tiga kuntum bunga peoni yang diukir dengan daun. Asas pokok ini bermula dengan batang pokok dan setiap bunga dihubungkan dengan batang pokok bunga.

n) Peoni

Gambar 3.104 Bunga Plum di MT



Terdapat empat bunga peoni yang diukir bersama daun dan dihubungkan setiap daripadanya dengan batang pokok yang tidak disertakan bersama akar pokok peoni.

o) Gulungan Teratai (lotus scroll)

Gambar 3.105 Gulungan Teratai



Motif di luar bulatan adalah merupakan gulungan bunga teratai (lotus scroll) yang mengelilingi bulatan geometri ini.

p) Buah Buton Teratai

Gambar 3.106 Buah Buton Teratai



Melihat kepada tiang makara mimbar masjid kajian, setiap daripada penghujung tiang ini terdapat motif bunga teratai pada bahagian akhir sekali dan motif bunga ini berada dalam keadaan terbalik. Motif dalam kedudukan yang sama penulis temui di Tokong Cheng Hoon Teng. Pada setiap tiang makara mimbar masjid kajian mempunyai motif yang sama.

q) Plum

Gambar 4.107 Bunga Plum Tunggal di MT



Bunga plum dalam bentuk tunggal ini diukir dengan bunga plum beserta daun bunga. Motif bunga plum dalam bentuk tunggal ini mempunyai jumlah sebanyak dua puluh empat bunga dan boleh dilihat di bahagian bingkai mimbar.

r) Plum

Gambar 3.108 Bunga Plum di Mimbar MT



Bunga plum dalam rajah 3.108 ini berada di bahagian tengah dan dihubungkan dengan batang pokok yang bersilang. Kedua motif ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar.

iv) Motif Geometri

s) Fret

Gambar 3.109 Motif Fret di Sisi Mimbar MT



Motif fret pada rajah 3.109 ini berada di bahagian bawah pasu bunga yang diukir di sisi kiri dan kanan mimbar Masjid Tengker. Bentuk motif fret ini diilhamkan daripada corak kilat yang menyambar dari langit. Bentuk ini kemudiannya dikembangkan dan dijadikan hiasan ukiran dalam kesenian Cina.

t) Geometri

Gambar 3.110 Motif Geometri di Sisi Mimbar MT



Motif ini penulis temui pada sisi mimbar Masjid Tengker, motif dalam bulatan ini adalah merupakan hiasan geometri.

v) Motif Fenomena

u) Tanglung

Gambar 3.111 Motif Tanglung di Sisi Mimbar MT



Bahagian kiri kanan motif geometri ini terdapat hiasan tanglung yang tergantung. Terdapat hampir empat tanglung yang berada di sisi kiri dan kanan mimbar.

v) Tanglung

Gambar 3.112 Motif Tanglung di Sisi Mimbar MT




Tanglung pada rajah di atas berbentuk 'fancy lantern' yang sering digunakan dalam upacara sambutan perayaan. Jumlah dua buah tanglung ini diukir di bahagian kiri dan kanan mimbar Masjid Tengker.

Rajah 3.2.2.5 Bahagian Hadapan Mimbar Masjid Kampung Hulu

Rajah 3.29 Hadapan Mimbar MKH

- Petunjuk:
- a. Phoenix
 - b. Phoenix&sisik Naga
 - c. Phoenix
 - d. Plum
 - e. Teratai
 - f. Peoni
 - g. Pasu(layer jar)
 - h. Buah Plum
 - i. Awan skrol
 - j. Teratai



i) Motif Haiwan

a) Phoenix

Gambar 3.113 Motif Kepala Phoenix di Makara MKH



Makara masjid ini sama sekali berbeza dengan dua masjid kajian yang lain. Motif pada bahagian makara Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengkeri adalah beunsurkan

tumbuhan. Tetapi melihat kepada motif makara Masjid Kampung Hulu ianya menampilkan haiwan yang diukir dalam keadaan tidak ketara supaya imej haiwan tersebut tidak terlalu kelihatan. Dalam rajah 3.113 yang terdapat pada makara ini tidak digambarkan phoenix dan naga secara jelas tetapi sekadar sisik naga dan kepala phoenix sahaja berbeza dengan naga dan phoenix yang terdapat di tokong Cina kerana imej yang digambarkan adalah jelas bentuk haiwan tersebut secara keseluruhannya. Terdapat hampir lapan kepala burung phoenix pada bahagian makara ini dan empat darinya bersambung dengan badan naga yang ditampilkan dalam bentuk gulungan awan.

b) Phoenix & Sisik Naga

Rajah 3.30 Gabungan Motif Kepala Phoenix Dan Sisik Naga



Bahagian sisi kepala makara ini berada dalam kedudukan menegak tetapi penulis meletakkanya dalam bentuk mendatar bagi memudahkan analisis. Bahagian sisi ini terdapat dua motif kepala Phoenix yang diukir bersama sisik naga.

c) Phoenix

Gambar 3.114 Kepala Phoenix di Sisi Mimbar MKH



Pada bahagian kiri dan kanan mimbar ini juga penulis dapati kepala phoenix (dalam bulatan) yang dijadikan elemen utama hiasan dan dikembangkan dengan motif gulungan awan.

ii) Motif Bunga

d) Plum


Gambar 3.115 Motif Bunga Plum di Mimbar MKH



Pada bahagian bawah makara ini jelas kelihatan hiasan daripada bunga plum blossom yang kembang mekar berserta buahnya. Dahan pokok ini diukir secara bercabang dan tajam menepati sifat bunga plum yang sebenar.

e) Teratai

Gambar 3.116 Buah Buton Teratai



Buah buton pada mimbar Masjid Kampung Hulu ini lebih ringkas berbanding Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker. Namun begitu kelopak teratai boleh dilihat pada lapisan kedua dan ketiga buah buton ini.

f) Peoni

Gambar 3.117 Motif Bunga Peoni



Pada bahagian tempat imam bersandar terdapat motif bunga peoni dalam keadaan kembang mekar.

iii) Motif kosmos

g) Pasu (layer jar)

Gambar 3.118 Pasu Layer Jar



Daripada bahagian hadapan mimbar ini iaitu pada bahagian tiang terdapat hiasan bunga yang menjalar ke atas daripada pasu kecil yang dikenali sabagai 'layer jar' sama seperti pasu yang ditemui pada mimbar Masjid Kampung Keling. Empat pasu ini boleh dilihat pada empat tiang utama mimbar.

iv Motif Buah

h) Buah Plum

Gambar 3.119 Buah Plum di Kaki Mimbar MKH




Motif buah plum pada ukiran rajah di atas dilihat menjalar daripada pasu bunga jenis layer 'jar'. Motif bunga dan pasu ini boleh dilihat pada empat tiang utama yang menampung bumbung mimbar masjid ini.

vi) Motif Fenomena

i) Awan Skrol (Cloud Scroll)

Gambar 3.120 Motif Awan Skrol



Hiasan gulungan awan ini dipraktikkan di sisi mimbar masjid dan jika diperhatikan secara teliti bukan hanya terdapat awan skrol tetapi juga terdapat kepala burung Phoenix sebagai motif dalam hiasan awan skrol ini.


j) Teratai

Gambar 3.121 Motif Bunga Teratai



3.2.2.6 Sisi Mimbar Masjid Kampung Hulu

Rajah 3.31 Mimbar MKH Daripada Bahagian Sisi



i) Motif Kosmos

a) Teratai

Gambar 3.122 Mahkota Mimbar di MKH



Mahkota atap mimbar masjid ini mempunyai tiga lapisan yang mempunyai tapak lebar di bahagian bawah dan saiznya mengecil sehingga ke puncak. Lapisan paling bawah dialas dengan empat kelopak teratai dengan saiz besar, lapisan kedua dilapik dengan alas kelopak bunga yang mempunyai lapan kelopak bunga teratai. Bahagian puncak mahkota atap ini dilitupi oleh bunga teratai dengan saiz kecil.

ii) Motif Haiwan

b) Sisik Naga

Gambar 3.123 Sisik Naga Pada Puncak Mimbar



Sisik naga pada puncak mimbar ini bersambung dengan mahkota atap dan berakhir dengan ekor naga.

c) Ekor Naga

Gambar 3.124 Ekor Naga di Puncak Mimbar



Ekor naga yang diukir secara melentik di penghujung perabung puncak mimbar.

d) Phoenix

Gambar 3.125 Kepala Phoenix di MKH



Kepala burung Phoenix yang jelas menunjukkan paruh dan renungan mata yang tajam daripada haiwan ini. Phoenix adalah salah satu haiwan yang dikategorikan sebagai haiwan yang cerdik dalam falsafah Cina.³⁴

ii) Motif Bunga

e) Peoni

Gambar 3.126 Bunga Peoni di MKH



Pada sisi mimbar ini juga kelihatan lima kuntum motif bunga peoni empat bunga kecil dan satu bunga besar. Bunga ini disahkan sebagai peoni berdasarkan kepada bentuk bunga yang serupa penulis temui sewaktu melawat ke tokong Cina dan pengesahan yang diberikan oleh

³⁴ C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, iv.

pegawai muzium sewaktu temubual bersama beliau.³⁵ Motif ini berada di bahagian kiri dan kanan mimbar.

f) Kekwa

Gambar 3.127 Bunga Kekwa



Gambar di atas merupakan motif bunga kekwa yang terdapat di mimbar Masjid Kampung Hulu ianya terletak bersebelahan dengan motif bunga peoni. Secara keseluruhan terdapat motif bunga kekwa yang berada di bahagian kiri dan kanan mimbar.

g) Teratai

Gambar 4.128 Bunga Teratai



Motif ukiran ini adalah merupakan gulungan dahan bunga teratai yang menguncup digambarkan dalam bentuk ekor naga manakala daun dari dahan tersebut digambarkan dalam bentuk sisik naga. Motif seperti ini banyak ditemui di tokong Cina.

³⁵ Sheryl Tan (Pegawai di Muzium Cheng Ho) dalam temubual bersama penulis, 2 November 2014

h) Plum

Gambar 3.129 Motif Bunga Plum



Bahagian tengah sisi mimbar terdapat dua hiasan yang berada dalam kedudukan sebelah menyebelah. Sebelah kiri adalah motif bunga plum blossom yang berada dalam keadaan mekar manakala motif di sebelah kiri adalah bunga plum yang masih belum berbunga.

i) Peoni

Gambar 3.130 Motif Buga Peoni



Pada bahagian kiri dan kanan mimbar Masjid Kampung Hulu ini terdapat ukiran bunga peoni yang diukir pada bahagian tengah klasik skrol. Bilangan bunga ini boleh dilihat dalam jumlah yang banyak.

j) Teratai

Gambar 3.131 Buah Buton Teratai



Pada bahagian bawah tiang makara terdapat material yang menampilkan kedudukan teratai dalam keadaan terbalik atau buah buton sama seperti yang ada pada kedua-dua masjid kajian yang telah disebutkan sebelum ini.

k) Plum

Gambar 3.132 Bunga Plum di Kaki Mimbar



Bunga plum dalam bentuk tunggal dukir bersama daun berada di bahagian kaki mimbar.

l) Teratai Skrol/Gulungan Teratai (Lotus Scroll)

Gambar 3.133 Gulungan Teratai di Kaki Mimbar



Gulungan teratai atau lotus scroll yang tersusun dan menarik ini berada di bahagian kaki mimbar masjid. Terdapat hampir lapan gulungan teratai pada mimbar masjid ini.

iii) Motif Fenomena

m) Klasik Skrol

Gambar 3.134 Lengkungan Klasik Skrol



Lengkungan ini dihiasi dengan ukiran klasik skrol sama seperti di mimbar Masjid Kampung Hulu. Namun begitu motif pada lengkungan ini kelihatan lebih menarik dengan penambahan motif bunga peoni di sekitar hiasan klasik skrol ini.

n) Awan Skrol/Gulungan awan

Gambar 3.135 Awan Skrol di Kaki Mimbar



Awan skrol di bahagian bawah sisi mimbar ini mempunyai keunikan yang tersendiri kerana ukiran ini dimulai dengan kepala burung phoenix yang berakhir dengan awan skrol.

- o) Awan Skrol/Gulungan awan (cloud Scroll)

Gambar 3.136 Awan Skrol di Kaki Mimbar



Awan skrol yang terdapat pada gambar 3.136 ini menampilkan gulungan awan secara tersusun. Bentuk gulungan awan ini menunjukkan hubungan awan yang hampir dengan syurga. Motif ini boleh dilihat pada bahagian kiri dan kanan mimbar masjid.

3.2.3 Rumusan

Komponen dalam masjid kajian yang mempunyai motif Cina hanya mimbar dan mihrab. Masjid Tengkeri adalah satu-satu masjid yang mempunyai motif Cina pada mihrabnya iaitu motif bunga dan kosmos. Mimbar ketiga buah masjid sangat sarat dengan motif dan ornamentasi Cina. Mimbar masjid Kampung Keling mempunyai ornamentasi yang terdiri daripada motif bunga iaitu teratai, plum, peoni, kosmos iaitu teratai, endless knot, haiwan iaitu sisik naga dan fenomena iaitu kolar awan, klasik skrol. Mimbar masjid Tengkeri mempunyai lima jenis ornamentasi yang terdiri daripada bunga, haiwan, kosmos, geometri dan fenomena. Motif bunga terdiri daripada empat jenis iaitu plum, peoni, orkid dan teratai. Haiwan diwakili katak, tapir dan naga manakala kosmos terdiri daripada teratai, bluster jar dan teratai. Motif geometri dan fret mewakili geometri. Tanglung satu-satunya daripada motif fenomena.

Mimbar Masjid Kampung Hulu mempunyai empat ornamentasi iaitu haiwan, bunga, kosmos dan fenomena. Empat motif bunga yang mewakili setiap daripada musim iaitu teratai panas, peoni bunga, plum sejuk dan kekwa luruh. Motif haiwan di masjid ini terdiri daripada Phoenix dan Naga. Motif kosmos diwakili 'layer jar' manakala motif fenomena terdiri daripada awan skrol dan klasik skrol. Secara keseluruhannya, tidak terdapat satu pun daripada mimbar-mimbar di masjid ini yang melengkapi enam ornamentasi Cina. Walaubagaimanapun, kesemua mimbar sarat dengan ukiran motif dan tidak ada sedikit ruang pun yang tidak diukir. Hal ini membuktikan penglibatan tukang Cina dalam menghasilkan mimbar adalah benar.

3.3 Kesimpulan

Penemuan motif-motif Cina di dalam tiga masjid kajian ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Cina memainkan peranan dalam proses pembinaan masjid di Melaka. Di sebalik motif-motif ini terdapat maksud dan falsafahnya yang tersendiri yang menggambarkan keperibadian setiap daripada motif yang ditampilkan. Enam motif utama yang merangkumi motif bunga, haiwan, buah, geometri, kosmos dan fenomena menjadi asas utama yang menghiasi masjid kajian. Setiap komponen masjid ini akan digabungkan dengan motif bunga sebagai asas ornamen diikuti dengan motif kosmos, fenomena, geometri, buah dan haiwan. Secara keseluruhan motif mimbar mempunyai motif yang paling sarat walaupun tidak kesemua jenis ornamentasi Cina diaplikasikan pada komponen ini.

Terdapat juga beberapa komponen yang hanya dihiasi dengan motif utama sahaja iaitu bunga dan kosmos. Tidak kesemua komponen menggabungkan keseluruhan enam motif ini seperti pintu gerbang masjid, mahkota atap dan mihrab. Gabungan setiap satu

motif ini adalah bersebab dan setiap gabungan ini memberi erti yang berbeza mengikut falsafah dan kebudayaan Cina. Berdasarkan kepada kajian, penulis menyimpulkan bahawa motif dan ornamentasi Cina di tiga masjid kajian ini boleh dilihat di seluruh kawasan dan komponen masjid secara nyata dan jelas visualnya.